

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB. DR. ONG KIAN MING [SERDANG]

**TARIKH JAWAPAN : 10 NOVEMBER 2014 (ISNIN)
DI DEWAN RAKYAT**

SOALAN

Minta **MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR** menyatakan mengapa projek “solar farm” berjumlah 50MW telah diberikan kepada 1MDB melalui “direct negotiation” memandangkan terdapat banyak lagi syarikat Malaysia yang mempunyai “track record” yang lebih baik berbanding dengan 1MDB dalam membina dan menguruskan “solar farm”.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

1. Projek loji janakuasa solar 50MW yang diberikan kepada syarikat 1Malaysia Development Berhad (1MDB) melalui rundingan terus merupakan sebuah projek perintis yang akan menjadi kayu pengukur bagi menilai keberkesanan pembinaan loji janakuasa solar berkapasiti besar. Bagaimanapun pemberian secara rundingan terus ini perlu juga menepati peraturan-peraturan sedia ada dimana kepentingan kerajaan di lindungi berdasarkan beberapa syarat yang ditetapkan. Tetapi apa yang penting ialah keberkesanan projek perintis ini akan menjadi titik tolak yang akan membuka peluang kepada syarikat – syarikat penjanaan solar lain untuk bersaing di dalam proses tender terbuka yang akan dilaksanakan kelak.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN

**DARIPADA : TUAN CHUA TIAN CHANG @ TIAN CHUA
[BATU]**

TARIKH : 10 NOVEMBER 2014 (ISNIN)

SOALAN : 37

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan bilakah Kementerian akan mengeluarkan manifest kargo MH370. Mengapa info manifests ini belum dikeluarkan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Tuan Yang Di Pertua manifest kargo MH370 telah dikeluarkan pada 1 Mei 2014. Maklumat terperinci manifest kargo ini boleh didapati di internet.